

## Latar Belakang

Sistem HR2U mula dibangunkan \_\_\_\_\_ pada tahun 2016. Ia bermula dengan fasa pengumpulan keperluan \_\_\_\_\_ pengguna untuk 17 modul secara \_\_\_\_\_ keseluruhan dengan kerjasama \_\_\_\_\_ Pejabat Pendaftar dan Jabatan \_\_\_\_\_ Infostruktur, PPII. Modul Pengurusan Prestasi merupakan modul pertama dilaksanakan di dalam HR2U. Modul tersebut adalah di bawah \_\_\_\_\_ tanggungjawab Bahagian \_\_\_\_\_ Pengurusan Perkhidmatan (BPP), \_\_\_\_\_ Pejabat Pendaftar. \_\_\_\_\_

Penilaian prestasi merupakan \_\_\_\_\_ sebahagian daripada **sistem \_\_\_\_\_ pengurusan personel** yang penting dan boleh digunakan untuk membantu Pegawai dan PTJ \_\_\_\_\_ **meningkatkan prestasi dan \_\_\_\_\_ produktiviti** kerja menerusi perancangan dan pemantauan SKT \_\_\_\_\_ serta penilaian prestasi yang \_\_\_\_\_ lebih efektif. \_\_\_\_\_

### Sistem Penilaian Prestasi (SPP) digubal untuk:

- Prestasi kerja dinilai dengan lebih sistematik dan meyakinkan
- Ketua melaksanakan penilaian prestasi mengikut kesesuaian perkhidmatan tertentu
- SPP diguna dalam pelbagai fungsi sumber manusia seperti kemajuan kerjaya, penempatan dan latihan
- Tingkatkan penglibatan Ketua Jabatan dan semua pegawai penyelia dalam proses penilaian prestasi.

## Pengurusan Prestasi

Antara proses yang terlibat dalam penilaian prestasi staf UiTM adalah:

- 1. Penetapan SKT PYD**  
Dilaksanakan pada awal tahun melibatkan PYD dan PPP
- 2. Pelaksanaan Kerja dan Pemantauan** (Separuh Tahun Pertama)  
Bermula Jan – Jun setiap tahun
- 3. Kajian Semula Pertengahan Tahun**
  - Kajian semula (*review*) sasaran kerja yang telah ditetapkan pada awal tahun
  - Melibatkan PYD dan PPP
- 4. Pelaksanaan Kerja dan Pemantauan** (Separuh Tahun Kedua)  
Bermula Julai – November setiap tahun
- 5. Penyediaan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)**
  - Proses Penilaian Prestasi berdasarkan SKT yang ditetapkan
  - Melibatkan PYD, PPP & PPK
- 6. Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia PTJ**  
Mengesahkan penilaian prestasi staf di peringkat PTJ
- 7. Majlis Sumber Manusia**  
Mengesahkan penilaian prestasi keseluruhan staf UiTM.

## Fakta Ringkas

### Modul Pengurusan Prestasi HR2U

Go Live pada **Mac 2018** secara berfasa

### 3 Modul Utama

- Sasaran Kerja Tahunan (SKT)
- Kajian Semula Pertengahan Tahun
- Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)

Perlaksanaan penilaian prestasi untuk **Staf Pentadbiran**

## Modul Pengurusan Prestasi

Sistem Pengurusan Sumber Manusia  
**HR2U**

Objektif, Ciri-ciri & Fungsi



# OBJEKTIF

## 1. Proses Kerja Lebih Efisien

- Proses automasi daripada borang manual memudahkan pemantauan prestasi kerja dilaksanakan oleh PYD, PPP dan PPK.
- Membantu PPP & PPK melaksanakan penilaian prestasi dengan lebih tepat.

## 2. Mudah diakses

- Modul Penilaian Prestasi, HR2U boleh diakses melalui internet.
- Penetapan, Kajian Semula dan Penilaian boleh dilaksanakan di mana-mana platform.

## 3. Integrasi Sistem dan Proses yang lebih komprehensif

- Maklumat *Job Description (JD)* mengikut jawatan dimasukkan di dalam modul sebagai rujukan asas penetapan sasaran kerja staf.
- *Professional Development Plan (PDP)* di bawah seliaan pihak ILD juga dimasukkan ke dalam Modul Pengurusan Prestasi bagi membantu PPP melaksanakan penilaian kompetensi staf berdasarkan jawatan.


## 4. Penjimatan Sumber

- Membantu mengurangkan kos kerana penilaian prestasi tidak lagi dilaksanakan melalui borang manual.
- Mengaplikasikan amalan *Paperless*.

# CIRI-CIRI

Ciri-ciri Penilaian Prestasi adalah seperti berikut :

- Penetapan **SKT** dan **kajian semula pertengahan tahun**.
- Penilaian prestasi yang **objektif, adil** dan **telus (OAT)**.
- **Pengiktirafan kegiatan** dan **sumbangan** di luar tugas rasmi.
- **Penetapan wajaran** markah mengikut aspek penilaian prestasi yang bersesuaian dengan peranan setiap kumpulan pegawai.
- Sistem HR2U (staf pentadbiran) & MyATP (staf akademik) menggantikan penggunaan **5 jenis borang** Laporan Penilaian Prestasi Tahunan mengikut Kumpulan
- Peranan **Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)** PTJ sebagai pihak yang memastikan penilaian dibuat dengan objektif, adil dan telus



# FUNGSI

Fungsi-fungsi utama **Modul Penilaian Prestasi** disediakan mengikut klasifikasi Pengguna berikut:

## 1. Pegawai Yang Nilai (PYD)


- Penetapan Sasaran Kerja Tahunan (SKT)
- Pengemaskinian SKT Pertengahan Tahun
- Semakan dan Pengesahan SKT
- Semakan Markah Penilaian LNPT
- Semakan Sejarah Penilaian LNPT
- Cetakan borang penilaian

## 2. Moderator


- Penetapan & pengemaskinian maklumat PPP dan PPK mengikut staf
- Semakan status pengisian SKT dan penilaian LNPT staf di bawah jabatan
- Cetakan Borang Penilaian

## 3. PPP & PPK

- Semakan dan pengesahan SKT & LNPT staf
- Cetakan borang penilaian staf di bawah seliaan.



# Fasa Pembangunan



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi pegawai berikut:  
Unit Pengurusan Prestasi,  
Bahagian Pengurusan Perkhidmatan,  
JPSM  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)  
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia  
03- 5544 3134 [Tel.]  
hisham@uitm.edu.my  
<https://hr2u.uitm.edu.my/>

Sila imbas QR Code untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai Jabatan Infostruktur



Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur